

18/10/2003

## Jejak Rasul 9 jelajah tamadun lama Mesopotamia

KUALA LUMPUR: Jejak Rasul 9, program dokumentari popular terbitan TV3 yang memaparkan sejarah tamadun Islam berdasarkan perspektif Malaysia, akan menemui penonton pada Ramadan ini bermula 27 Oktober.

Pada musim kesembilan itu, penonton Jejak Rasul akan dibawa menjelajah tamadun Islam di timur Syria, barat Iran, selatan Turki dan Iraq dalam dokumentari bertemakan 'Warkah Mesopotamia' iaitu tamadun tertua di antara Sungai Tigris dan Sungai Euphrates.

Pelancaran 29 episod Jejak Rasul 9 disempurnakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin di Sri Pentas, Bandar Utama di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif TV3, Datuk Farid Ridzuan; Pengarang Kumpulan Berita Harian Sdn Bhd (BHSB), Hishamuddin Aun, Naib Presiden Kanan Bahagian Audit Dalaman Celcom, Hazimi Kassim, Pengurus Kanan Bank Pertanian Malaysia, Datuk Mohd Rosli Abdul Aziz dan Pengurus Jenama Kao Malaysia, Khong Shad Foon.

Pada sidang media selepas itu, Abdul Hamid berkata program Jejak Rasul terbitan TV3 penting untuk mengubah tanggapan Barat bahawa umat Islam hanya layak dibuli.

"Jika mereka dapat saksikan bahawa tamadun Islam ini begitu hebat dibandingkan dengan tamadun manusia lain, maka tanggapan mereka terhadap umat Islam pada hari ini akan berubah.

"Dokumentari sebegini penting untuk menebus maruah umat Islam yang kian hari kian tercalar dan tergadai seperti yang dinyatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam ucapannya kepada 57 negara Islam terutama negara yang terbabit dalam tamadun awal manusia," katanya.

Katanya, Jejak Rasul bukan hanya menarik minat umat Islam di negara ini, tetapi juga golongan bukan Islam yang menjadikannya tontonan seisi keluarga untuk tujuan pendidikan.

Sementara itu, Farid berkata, TV3 menjangka program itu menarik lebih 1.8 juta penonton dan akan meningkat selaras dengan promosi yang dijalankan.

"Pengalaman selama sembilan tahun menerbitkan Jejak Rasul daripada perspektif Malaysia memerlukan kesungguhan dari segi penyelidikan berbanding dokumentari normal lain dan program ini tidak pernah dibuat oleh mana-mana stesen televisyen lain yang memfokuskan tamadun Islam," katanya.

Katanya, berdasarkan kredibilitinya dalam menerbitkan program seumpama itu, TV3 berjaya memasarkan produknya ke luar negara terutama di kalangan negara Arab.

Jejak Rasul 9 diterbitkan Wan Alias Abdullah daripada Unit Dokumentari TV3 dengan bantuan 10 krew pelbagai unit yang menjelajah selama tiga bulan ke Syria, Iran, Turki dan Iraq.

Program itu akan membawa penonton ke tamadun Mesopotamia, Mesir Purba, Lembah Indus dan Sungai Kuning dan memaparkan tingkah laku manusia seawal 7,000 tahun sebelum masihi, pencapaian teknologi dan kejatuhan tamadun itu sendiri.

Ia akan mula disiarkan 27 Oktober sehingga 24 November pada jam 6.30 hingga 7 petang (Isnin hingga Jumaat) dan 5.30-6 petang (Sabtu-Ahad) manakala edisi khas Hari Raya akan disiarkan selama satu jam pada 1 Syawal. Rancangan itu ditaja Celcom, Bank Pertanian dan Kao Feather.